



**PUSAT PENGAJIAN PENDIDIKAN  
HST225 – SEJARAH TANAH BESAR ASIA TENGGARA  
SEMESTER 1 SIDANG 2020/2021**

**TUGASAN : ESEI**

**TAJUK :**

BINCANGKAN KONSEP MORAL EKONOMI PETANI DAN SEJAUH MANA  
KONSEP INI DAPAT MENJELASKAN REAKSI PETANI VIETNAM KEPADA  
PENJAJAHAN PERANCIS DARI LEWAT KURUN KE-19 HINGGA 1941

<b>NAMA</b>	<b>NO. MATRIK</b>	<b>NO. K/P</b>	<b>WAKTU TUTORIAL</b>
Nur 'Awatif binti Azizan	143123	980824-02-5996	Selasa (4-5 ptg)

**DISEDIAKAN UNTUK:**

Dr. Mohd Firdaus bin Abdullah

**TARIKH SERAHAN:**

3 Dec 2020

## 1.0 Pengenalan

Sebelum kedatangan Perancis, Vietnam pada awalnya telah dijajah oleh negara China selama seribu tahun. Pelbagai cara yang dilakukan oleh Vietnam untuk membebaskan diri daripada cengkaman penjajah dan akhirnya Vietnam berjaya mendapat kemerdekaan pada tahun 939.<sup>1</sup> Akan tetapi, nikmat kemerdekaan yang dikecapi tidak bertahan lama ekoran kedatangan Perancis. Menyingkap semula sejarah kedatangan Perancis ke Vietnam, pada awalnya hanya dimulai dengan aktiviti perdagangan dan penyebaran agama Kristian oleh golongan mubaligh pada abad ke-16.<sup>2</sup> Maka, detik itu menjadi telah pendorong teretusnya idea untuk Perancis untuk mengembangkan kuasanya di Tanah Besar Asia Tenggara.<sup>3</sup> Ekoran daripada beberapa isu yang timbul antara China-Vietnam yang berlaku pada lewat abad ke 19, Perancis akhirnya telah terlibat secara langsung ke atas Vietnam melalui Perjanjian Saigon 1874<sup>4</sup>.

Perjanjian Saigon yang dianggap sebagai perjanjian perdagangan dan perdamaian oleh China inilah sebenarnya telah membawa kepada Perang China-Vietnam 1884. Akhirnya telah menyebabkan berlakunya pemindahan kepada Perancis ke atas Vietnam.<sup>5</sup> Secara dasarnya, kita akan melihat bahawa sememangnya penjajahan Perancis yang berbentuk kolonialisme ini telah membawa banyak perubahan terhadap Vietnam dalam pelbagai aspek khususnya dalam bidang ekonomi sehingga berlakunya beberapa pemberontakan siri ke atas penjajahan Perancis ini oleh golongan petani.

Penulisan ini secara amnya, akan membincangkan reaksi penduduk di Vietnam terutamanya golongan petani setelah dasar ekonomi mereka berubah sebanyak 360 darjah secara mendadak. Sebelum itu, penulisan sejarah ini akan cuba mengupas dengan lebih mendalam maksud di sebalik konsep ekonomi moral yang dikatakan menjadi pegangan petani

---

<sup>1</sup> Philippe Devillers, *Sejarah Indo-China Modern*, disunting oleh Ruhanas Harun, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988), hlm. 206.

<sup>2</sup> A Savitri, The Influence of French Colonialism On Vietnam's Culture, *IJABER*, Vol 14, No 2 (2016), hlm. 76.

<sup>3</sup> Ibid., Hlm. 762.

<sup>4</sup> KB Dar, "Usaha-Usaha China Menyekat Perancis di Vietnam Pasca Perjanjian Saigon 1874", *Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya*, (2012), hlm. 28.

<sup>5</sup> Ibid.

di Vietnam. Perbahasan mengenai konsep ini paling ketara dapat dilihat melalui dua tokoh terkemuka iaitu James C. Scott dan Samuel L Popkins. Kedua-dua mempunyai hujah dan pendapat yang tersendiri dalam mentafsir maksud moral ekonomi. Namun persoalannya di sini konsep manakah mampu menjelaskan dengan lebih dekat dan terperinci mengenai reaksi yang ditunjukkan oleh petani di Vietnam? Oleh itu, penulisan ini akan mengupas dengan lebih lanjut mengenai konsep moral ekonomi yang dinyatakan oleh kedua-dua tokoh tersebut dan menyatakan pendirian penulis sama ada bersetuju dengan James C. Scott mahupun Samuel L Popkin.

Secara dasarnya, kedua-dua tokoh ini menggunakan pendekatan yang berbeza dalam mentafsir kehidupan golongan petani di Vietnam. Jika kita lihat di sini James C. Scott mengambil pendekatan moral ekonomi yang mana beliau menyatakan penentangan adalah semua tindakan daripada golongan petani untuk mempertahankan diri agar meneruskan hidupnya dengan nilai-nilai tradisi (bersifat individu). Manakala Samuel L Popkins menggunakan pendekatan politikal ekonomi<sup>6</sup> yang mana beliau menyebutkan bahawa tindakan menentang maka bukan kerana "*tradisi mereka*" terancam oleh dasar ekonomi kapitalisme namun kerana faktor-faktor yang menekan mereka yang ingin memperoleh kesempatan "*hidup*" dalam ekonomi baru ini. Nyata dan jelas di sini kedua-dua tokoh ini menggunakan pendekatan yang sangat kontra. Malah hal ini jelas dibuktikan apabila tulisan Popkin tentang rasional petani sangat sangat bertentangan dengan karya J. C. Scott, *The Moral Economy Of Peasant : Rebellion and Subsistence in Southeast Asia* (1976) yang berusaha mempelajari perilaku petani terhadap kapitalisme.<sup>7</sup> Berdasarkan kedua-dua teori, penulis di sini bersetuju bahawa teori yang diperkenalkan oleh James C. Scott iaitu Moral Ekonomi Petani merupakan teori yang sangat sesuai untuk kita melihat dengan lebih dekat

---

<sup>6</sup> Abu Talib Ahmad, *Sejarah Tanah Besar Asia Tenggara Edisi Kedua*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, , 2017), hlm. 175.

<sup>7</sup> James C. Scott, *The Moral Economy of the Peasant*, (USA : Universiti of Carlifonia Press 1979), hlm. 3.

dan terperinci mengenai reaksi petani Vietnam kepada penjajahan Perancis dari lewat abad ke-19 hingga 1941.

## 2.0 Konsep Moral Ekonomi

Istilah “ekonomi moral” yang sering digunakan oleh James C. Scott di dalam penulisannya secara mudahnya di sini ialah pengertian mengenai keadilan dan hak para petani. Konsep “*The peasant conception of social justice, of rights and obligation of reciprocity*”<sup>8</sup> suatu konsep yang cukup jelas dibawa oleh James C. Scott telah menunjukkan suatu bentuk analisa tentang apa yang menyebabkan seseorang berperilaku dan bertindak disebabkan gangguan kegiatan ekonomi yang boleh berubah kepada satu pemberontakan. Malah ahli ekonomi moral juga di sini bersetuju bahawa pergerakan protes terjadi adalah disebabkan kehilangan kehidupan, keamanan dan kebajikan yang dihadapi oleh petani semasa perubahan ini.<sup>9</sup> Mereka mentafsirkan keganasan sebagai reaksi defensif terhadap ekonomi kapitalisme bagi memulihkan kembali ekonomi pra kapitalis yang mewujudkan kesejahteraan hidup petani. Secara dasarnya di sini, berdasarkan konsep moral ekonomi yang dibawa oleh James C. Scott kita boleh melihat bahawa beliau telah memberi penekanan kepada dua norma utama di dalam penulisannya iaitu “*The distinctive economic behavior*”<sup>10</sup> iaitu Subsistence Ethic dan resiprositas (hubungan timbal balik).

### 2.1 Norma Subsistensi

Konsep Norma Subsistensi atau Subsistence Ethic ialah satu sifat yang dimiliki oleh petani untuk berfikir dan bertindak berdasarkan norma sara diri. Perkara ini sangat berbeza dengan norma kapitalis yang dibawa oleh penjajah.<sup>11</sup> Petani akan terikat dengan sangat statik dengan aktiviti ekonominya. Secara dasarnya di sini, petani cenderung untuk berfikir sama ada mereka makan atau kelaparan pada keadaan hari ini sahaja tanpa memikirkan kesan

<sup>8</sup> James C. Scott, *The Moral Economy of the Peasant*, hlm. vii.

<sup>9</sup> Samuel L. Popkin, *The Political Economy of Rural Society in Vietnam*, (New Haven And London, Yale University Press 1976), hlm.5.

<sup>10</sup> James C. Scott, *The Moral Economy of the Peasant*, hlm. 13.

<sup>11</sup> Ibid

jangka panjang. Keadaan ini timbul apabila petani mengalami suatu keadaan yang menurutnya dapat membahayakan kelangsungan hidupnya maka petani akan menjual dan menggadaikan harta benda miliknya. Hal ini secara tidak langsung telah memperlihatkan bahawa petani cuba untuk hanya memenuhi keperluan minimum seorang manusia sahaja.<sup>12</sup> Keadaan ini menyebabkan petani cuba mencapai tahap minimum dengan menentukan pilihan dalam pertanian seperti yang di jelaskan oleh James C. Scott

*“those minimal human needs is central criterion which knits together choices of seed, technique, timing, and rotation.”*<sup>13</sup>

Berdasarkan petikan ini kita dapat melihat, bagaimana petani itu sendiri di Vietnam pada musim bercucuk tanam akan melihat tanaman dan haiwan ternakan yang mereka gunakan untuk bertani sangat berharga. Tetapi apabila tiba musim menuai dan musim mereka tak bertani mereka akan menjual tanah dan haiwan ternakan mereka untuk mendapatkan bekalan makanan pada waktu itu pula. Perkara ini telah menyebabkan wujudnya satu orientasi pemikiran bahawa para petani pada ketika itu yang sememangnya hanya memusatkan perhatian pada hari ini sahaja untuk melakukan apa sahaja bagi memenuhi keperluan minimum sebagai manusia. Konsep ini telah menjelaskan bahawa bagaimana petani sentiasa mencuba untuk berada di dalam keadaan selamat dan mengurangkan risiko di dalam setiap tindakan mereka. Hal ini menunjukkan bahawa petani sangat berpegang kepada konsep “Safety first” atau dahulukan keselamatan. Keselamatan telah menjadi elemen yang sangat penting kerana petani miskin sangat dekat dengan garis bahaya dan kejatuhan kecil boleh membawa kesan buruk ke atas keselamatan isi rumah.<sup>14</sup> Terdapat empat perkara yang menjadi pertimbangan mendahulukan selamat atau Safety first” ini ialah “*stratification, village reciprocity, tenancy dan taxation*” kata James C.Scott.<sup>15</sup> Hal ini secara tidak langsung telah

---

<sup>12</sup> James C. Scott, *The Moral Economy of the Peasant*, hlm. 13.

<sup>13</sup> *Ibid.*, hlm. 14.

<sup>14</sup> Samuel L.Popkin, *The Rational Peasant (The Political Economy of Rural Society in Vietnam)*, hlm.8.

<sup>15</sup> *Ibid.*, hlm 35.

menyebabkan wujudnya perbezaan pandangan antara petani dan penjajah. Petani lebih menyukai tingkat pendapatan yang relatif rendah tetapi pasti berbanding hasil yang lebih tinggi tetapi berisiko lebih tinggi manakala penjajah hanya bermatlamatkan kekayaan tanpa memikirkan risiko. Misalnya golongan petani akan mencuba untuk memilih teknik-teknik pertanian yang tidak membawa risiko besar. Mereka juga cenderung untuk mencari orang lain atau institusi untuk memindahkan risiko dan menjadi tebusan kepada mereka dan ini yang disebut oleh James C. Scott sebagai “Subsistence Security” yang kemudiannya akan berkait rapat pula dengan konsep “Reciprocity” yang juga terdapat dalam moral ekonomi petani .<sup>16</sup> Hal ini memperlihatkan bahawa petani yang sentiasa berada di garis margin ekonomi yang berbahaya.

Dengan adanya subsistence security ini, petani tidak lagi takut untuk melakukan kegiatan ekonomi. Hal ini kerana semakin tinggi jaminan keselamatan yang diterima oleh petani, maka semakin bersedia mereka untuk bertani. Perkara ini juga menjadi satu panduan pengelompokan atau stratifikasi sosial para petani seperti yang dijelaskan oleh James C.Scott bahawa “*the conventional hierarchy of status among the rural poor is usually smallholder, tenant, wage laborer*”. Akan tetapi ada juga petani yang serentak menjadi ketiga-tiganya iaitu pekebun kecil, penyewa dan juga pekerja buruh. Petani boleh menjadi ketiga-tiganya sekiranya petani tersebut mempunyai tanah. Petani tersebut mempunyai tanah dan mereka berkebun secara kecil-kecilan, pada masa yang sama juga mereka menyewa tanah dan menjadi buruh upah di tanah orang lain. Perkara ini merupakan perkara biasa di Asia Tenggara kerana konsep moral ekonomi petani yang mempunyai hubungan timbal balas atau “reciprocity”.

## **2.2 Hubungan Timbal Balik**

Hubungan timbal balik ini dapat dilihat apabila wujudnya hubungan dua hala antara petani dan petani lain, petani dengan tuan tanah, dan petani dengan institusi-institusi tertentu.

---

<sup>16</sup> Samuel L.Popkin, *The Rational Peasant (The Political Economy of Rural Society in Vietnam)*, hlm. 35.

Hubungan ini dilihat sebagai satu hubungan kemasyarakatan yang masing-masing mempunyai tanggungjawab untuk saling melindungi dan menjaga satu sama lain. Contohnya di sini hubungan timbal balas antara tuan tanah dan juga petani. Terdapat dua pilihan iaitu “Tenancy Systems” atau sharecropping dan “*fixed rent System*”.<sup>17</sup> Hal ini memperlihatkan bahawa petani mempunyai hak untuk menentukan pilihan mereka kerana kebanyakannya petani memilih “Tenancy Systems”. Hal ini demikian kerana, berdasarkan sistem ini, hasil yang petani perolehi akan dikongsi secara sama rata iaitu 50-50. Contohnya, hasil 100 petani akan dapat 50 dan tuan tanah akan mendapat 50. Sekiranya berada di dalam kerugiaan contoh hasil 0 petani dan tuan tanah tidak akan mendapat apa-apa.<sup>18</sup> Jadi risiko yang ditanggung oleh petani adalah tidak terlalu besar dan ini memenuhi konsep “Safety First”. Hal ini berbeza dengan “*fixed rent System*” yang mana kadar bayaran telah ditetapkan oleh tuan tanah. Contohnya kadar bayaran ditetapkan 50 hasil. Sekiranya petani mendapat 150 hasil petani akan mendapat 100 dan tuan tanah akan dapat 50 hasil. Jika dilihat secara kasar “fixed rent system” sebenarnya mampu memberi keuntungan yang yang agak besar kepada petani. Akan tetapi risiko besar juga menanti mereka sekiranya pada waktu tersebut tanaman tidak menjadi hasil 0 petani terpaksa membayar 50 kepada tuan tanah juga<sup>19</sup>. Perkara ini bagi petani berbahaya dan berisiko tinggi. Hal ini terbukti apabila kebanyakan petani cuba mengelakan cara ini bagi mengurangkan risiko.

### **3.0 Perubahan oleh Perancis**

Selepas memiliki tampuk pemerintahan di Vietnam, Perancis tidak membuang masa dengan memperkenalkan beberapa dasar baharu dalam bidang ekonomi. Pada awalnya dasar ini dikatakan diperkenalkan untuk membantu penduduk di Vietnam. Akan tetapi dasar-dasar ini menyebabkan penduduk di Vietnam terutamanya golongan petani menderita, Perubahan yang dilakukan oleh Perancis menyebabkan para petani sentiasa berada di dalam ketakutan untuk

---

<sup>17</sup> James C. Scott, *The Moral Economy of the Peasant*, hlm. 45.

<sup>18</sup> Ibid., hlm. 47.

<sup>19</sup> Ibid.

menghadapi kekurangan dan kelaparan yang menjadi ancaman utama untuk meneruskan hidup.<sup>20</sup> Hal ini secara tidak langsung telah menolak hujah yang diberikan oleh Ennis yang menyatakan bahawa perubahan yang dilakukan oleh Perancis ini sebenarnya yang menyusahkan petani dan bukannya disebabkan sikap petani itu sendiri.<sup>21</sup> Justeru itu, kedatangan Perancis dan perubahan-perubahan yang dibawa oleh Perancis dilihat sebagai sebuah risiko yang besar dan umpama tamparan hebat terhadap para petani di Vietnam.

### 3.1 Sistem Pertanian Komersial

Antara perubahan yang dilakukan oleh Perancis ialah memperkenalkan sistem pertanian komersial kepada petani di Vietnam. Pertanian komersial bermaksud pertanian berskala besar dan hasil tuaiannya tidak dapat dimakan (oleh golongan petani) dan bergantung kepada harga pasaran dan kepada harga bahan-bahan keperluan utama pengeluar. Hal ini berbeza dengan norma subsistensi apabila hasil yang diperolehi hanya digunakan untuk makan dan memenuhi keperluan hidup semata-mata.<sup>22</sup> Pada mulanya pertanian komersial ini diperkenalkan kononnya untuk membantu para petani di Vietnam untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran.<sup>23</sup> Namun apa yang ketara di sini dapat dilihat pertanian komersial yang diperkenalkan ini telah meletakkan petani di Vietnam berada dalam risiko yang besar. Perkara ini secara tidak langsung telah melanggar konsep “Safety First” yang menjadi pegangan petani di Vietnam. Mengapakah pertanian komersial ini dikatakan melanggar konsep “Safety First”?

Di sini kita berbalik kepada pertanian komersial itu sendiri. Yang pertamanya kita lihat sikap Perancis itu yang mempunyai agenda tersendiri. Perancis memperkenalkan pertanian komersial adalah bermatlamatkan keuntungan semata-mata. Tujuan utamanya hanya untuk mengeksploitasi kekayaan sumber ekonomi di Vietnam bagi kepentingan mereka. Perancis

---

<sup>20</sup> James C. Scott, *The Moral Economy of the Peasant*, hlm. 9.

<sup>21</sup> Abu Talib Ahmad, *Sejarah Tanah Besar Asia Tenggara Edisi Kedua*, hlm. 169.

<sup>22</sup> James C. Scott, *Moral Ekonomi Petani : Pergolakan dan Subsistensi di Asia Tenggara*, Terjemahan; (Jakarta: Lembaga Penelitian, Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial, 1976), hlm. 32.

<sup>23</sup> Abu Talib Ahmad, *Sejarah Tanah Besar Asia Tenggara Edisi Kedua*, hlm. 172.



sebenarnya tidak kisah akan keadaan petani di Vietnam sama ada mereka sengsara mahupun tidak. Keduanya di sini apabila pertanian secara besar-besaran dijalankan sudah tentu akan menelan kos penanaman yang banyak. Petani juga perlu bersiap sedia untuk menanggung kerugian yang besar sekiranya hasil tuaian mereka tidak menjadi. Hal ini secara tidak langsung akan menyebabkan mereka sendiri tidak dapat menikmati hasil daripada titik peluh mereka. Keadaan cuaca yang tidak menentu di Vietnam sememangnya telah menjadi cabaran kepada para petani yang sebelum ini bertani secara sara diri. Hal ini secara menyebabkan petani di Vietnam itu sendiri cenderung mengelakkan risiko. Bagi mereka biarlah hasil pendapatan yang diperolehi rendah asalkan tiada risiko yang dapat menyusahkan mereka. Oleh itu peralihan daripada norma subsistensi kepada pertanian komersial telah menimbulkan rasa tidak puas hati petani di Vietnam kerana berlaku penurunan hasil disebabkan cuaca dan perkara ini telah menyebabkan ramai petani yang kebuluran dan terbeban dengan hutang.

### **3.2 Pengenalan Dasar Cukai**

Beberapa pengenalan cukai baru oleh Perancis di Vietnam terutamanya terhadap golongan petani nyata membawa kesengsaraan kepada mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan kenaikan kadar pembayaran cukai yang jauh lebih tinggi sewaktu pemerintahan tradisional dahulu dan berbeza pula dengan cara pembayaran yang biasa sebelum ini memberi tamparan yang hebat kepada golongan petani. Secara amnya, Perancis telah memperkenalkan beberapa cukai baru kepada golongan petani. Yang pertamanya ialah cukai tanah yang diperkenalkan oleh Perancis boleh dikatakan sama dengan cukai kepala yang diperkenalkan oleh British di Burma. Cukai ini dikenakan setiap tahun dan setiap hektar mengikut pergolongan tanah. Misalnya di sini, 10%<sup>24</sup> bagi setiap hasil tuaian bagi setiap hektar tanah akan digunakan untuk membayar cukai. Hal ini secara tidak langsung telah menimbulkan satu situasi di mana cukai yang harus dibayar lebih tinggi daripada hasil tuaian yang diperolehi.

---

<sup>24</sup> James C. Scott, *Moral Ekonomi Petani : Pergolakan dan Subsistensi di Asia Tenggara*, hlm. 169.

Oleh itu, perkara ini menyebabkan berlaku ketidakadilan kerana walaupun hasil tuaian yang diperolehi sedikit petani tetap harus membayar cukai.

Tidak cukup dengan itu sahaja penjajah Perancis telah memperkenalkan satu lagi cukai iatu cukai kepala. Hasil 10% hingga 20% pendapatan selepas membayar cukai tanah digunakan membayar cukai kepala. Cukai kepala yang dikenakan ini sebenarnya tidak sama bagi setiap daerah. Contohnya di Tonkin, cukai sebanyak 0.5 piaster dinaikkan menjadi 2.5 piaster untuk orang dewasa yang namanya didaftar dalam senarai kampung dan 0.4 piaster bagi mereka yang tidak berdaftar (“non-inscrites, ngoai tich) yang sebelum ini tidak dikenakan cukai.<sup>25</sup> Perancis juga menyita sebahagian dari hasil tuaian petani penyewa atau petani pemilik kecil sebagai ganti kepada cukai kepala jika mereka tidak mampu untuk membayar mengikut jumlah yang ditetapkan. Perkara ini secara tidak langsung telah meletakkan petani di Vietnam berada dalam keadaan yang teruk malah lebih teruk daripada keadaan petani di Burma. Mana tidaknya kehidupan mereka sebelum ini ibarat “kais pagi makan pagi” ditambah pula dengan kenaikan cukai hanya menyebabkan petani menanggung bebanan yang sangat besar. Oleh itu, pengenalan kedua-dua jenis cukai tersebut jelas menunjukkan penindasan kerana membebankan lagi kehidupan petani yang miskin.

### **3.3 Dasar Monopoli Tiga Kepala**

Monopoli tiga kepala atau lebih dikenali sebagai “triple-headed of the monopolies” merupakan monopoli tiga barangan utama di Vietnam iaitu alkohol, garam dan candu.<sup>26</sup> Ketiga-tiga monopoli yang diperkenalkan oleh Perancis ini telah memperoleh keuntungan yang berlipat kali ganda. Dianggarkan Perancis memperolehi keuntungan bernilai 20 juta piaster pada tahun 1899 dan telah meningkat kepada 32 juta piaster pada tahun 1903 dan terus meningkat dengan mendadak iaitu kepada 42 juta piaster pada tahun 1911. Monopoli alkohol, garam dan candu sehingga membangkitkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan masyarakat petani.

<sup>25</sup> James C. Scott, *Moral Ekonomi Petani : Pergolakan dan Subsistensi di Asia Tenggara*, hlm. 165.

<sup>26</sup> James C. Scott, *The Moral Economy of the Peasant*, 1976, hlm. 114.

Pertamanya, Perancis melakukan monopoli terhadap alkohol iaitu arak beras. Seperti yang diketahui umum arak beras merupakan salah satu keperluan yang amat penting kepada masyarakat dewasa di Vietnam. Kebanyakannya pembuat atau penyulingan arak beras ini dilakukan sendiri oleh penduduk Vietnam. Arak beras bukan sahaja untuk kegunaan minuman harian malah digunakan untuk menyambut perayaan ataupun ritual mengikut kepercayaan mereka. Setelah kedatangan Perancis penjualan dan pembuatan arak beras mula dimonopoli. Pertamanya pembuatan dan penjualan arak beras ini dilakukan secara terpusat. Sekiranya ingin membeli arak beras penduduk di Vietnam perlu membeli dari penjual yang mempunyai lesen.<sup>27</sup> Penduduk di Vietnam telah dipaksa untuk menjual arak beras dengan harga yang murah kepada Perancis dan dijual semula dengan harga yang mahal kepada saudagar dari China. Tidak cukup dengan itu Perancis mengenakan cukai yang tinggi kepada arak beras. Hal ini dibuktikan apabila harga bagi satu liter arak beras pada permulaan kekuasaan Perancis hanya sekitar 5 hingga 6 centime, meningkat kepada 29 centime menjelang tahun 1906.<sup>17</sup> Oleh itu, monopoli ini telah menyebabkan kebanyakan penduduk di Vietnam yang terlibat dengan pembuatan arak beras ini kehilangan punca pendapatan malah petani di Vietnam sukar mendapatkan bekalan arak beras.

Seperti yang diketahui umum garam merupakan keperluan utama dalam kalangan masyarakat di Vietnam. Semasa pre-kolonial, Vietnam menjalankan pengeluaran, penjualan dan pembelian garam adalah percuma. Namun semuanya mula berubah seawal tahun 1899, apabila Perancis memulakan monopoli terhadap pembelian dan penjualan garam oleh *Dounes et Regies*.<sup>28</sup> Pentadbiran Perancis bukan sahaja memonopoli hak membeli dan menjual garam daripada pembuat garam malah harga garam juga telah ditetapkan oleh Pengarah Kewangan Perancis. Amalan pemberian lesen dan penetapan harga monopoli secara meluas dalam pengeluaran garam oleh Perancis telah menimbulkan rasa tidak puas hati masyarakat Vietnam. Tidak cukup dengan itu, penduduk Vietnam dikenakan cukai yang tinggi iaitu hampir lima

<sup>27</sup> James C. Scott, *Moral Ekonomi Petani : Pergolakan dan Subsistensi di Asia Tenggara*, hlm. 170.

<sup>28</sup> Pham Cao Duong, *Vietnamese Peasants Under French Domination 1861-1945* (Berkeley: The Regents of the University of California, 1985), hlm. 110.

kali ganda antara tahun 1892-1907. Tambahan pula, cukai yang dikenakan daripada 0.05 piaster pada 1892 kepada 2.25 piaster pada tahun 1906 bagi 100 per kg.<sup>29</sup> Oleh itu, monopoli garam ini jelas memperlihatkan bahawa Perancis seolah-olah sengaja melarang petani menggunakan garam yang sedia ada dengan harga yang lebih murah apabila mereka meningkatkan harga dengan bebanan cukai yang tinggi yang mana ianya telah menjadi satu beban baru kepada para petani.

Monopoli yang barangan yang ketiga ialah candu. Sebelum kedatangan Perancis candu di Vietnam telah menjadi suatu penyakit dalam kalangan masyarakat. Monopoli yang dilakukan oleh Perancis meliputi pengeluaran, pembelian dan penjualan. Hanya Jabatan Kastam sahaja yang berhak untuk membeli candu sama ada dari negara asing. Hal ini telah memperlihatkan di mana individu yang ingin melabur dalam penanaman ini terpaksa mendapatkan kebenaran membeli candu daripada Jabatan Kastam. Ketika itu, masyarakat sudah ketagih dengan dadah. Hasil daripada monopoli candu ini memperlihatkan pada tahun 1929, hasil pengeluaran hanyalah 14 juta piaster dan pada tahun 1942, ia telah meningkat 24 juta piaster setelah berlaku kenaikan harga.<sup>30</sup> Oleh itu, monopoli candu ini telah menyebabkan penduduk di Vietnam terutamanya golongan petani marah bekalan candu susah untuk diperolehi tatkala mereka sudah mula ketagih dengan candu. Apa yang dapat dilihat di sini monopoli ketiga-tiga barangan ini telah meletakkan penduduk di Vietnam terutamanya petani berada dalam zon kritikal kerana mereka dibebani hutang yang sangat besar.

#### **4.0 Reaksi Petani di Vietnam**

Pengenalan dasar-dasar ekonomi yang dilakukan oleh Perancis kepada penduduk di Vietnam telah memberi kesan yang sangat mendalam terhadap kehidupan terutamanya golongan petani. Ekoran berlaku ketidakadilan dan penindasan disebabkan dasar yang diperkenalkan golongan petani telah bangkit untuk menuntut hak mereka. Perkara ini kemudiannya telah membawa kepada desakan oleh golongan petani yang pada waktu itu bertindak disebabkan untuk keluar

---

<sup>29</sup> Pham Cao Duong, *Vietnamese Peasants Under French Domination 1861-1945*, hlm. 114

<sup>30</sup> *Ibid.*, hlm. 114.

dari zon berbahaya. Persoalannya di sini apakah tindakan petani yang dilakukan terhadap penjajah iaitu Perancis?

Permulaan kepada reaksi yang ditunjukkan oleh petani di Vietnam ialah berlakunya Pemberontakan 1908. Pemberontakan 1908 bermula apabila dasar-dasar kolonial seperti cukai, dan monopoli barangan yang diperkenalkan oleh Perancis menyebabkan keadaan semakin meruncing.<sup>31</sup> Ekoran kesempitan hidup yang dialami oleh penduduk di Vietnam terutamanya golongan petani mereka bangkit untuk menuntut supaya dasar-dasar ini dihapuskan. Pemberontakan ini pada awalnya dijalankan secara aman supaya para petani dapat menunjukkan rasa ketidakpuasan hati mereka. Akan tetapi hal sebaliknya berlaku, Perancis menganggap kebangkitan ini sebagai satu “pemberontakan”. Perancis bertindak dengan menangkap pemimpin–pemimpin pemberontakan seperti Phan Chan Trinh dengan menghantar mereka ke Pulau Condore. Hal ini sekaligus telah menampakkan Perancis sengaja menggunakan isu kebangkitan ini sebagai salah satu sebab untuk mereka menjalankan dasar penindasan ini dengan lebih meluas tanpa perlu menggugat kedudukan mereka di Vietnam. Oleh yang demikian, Pemberontakan 1908 ini menjadi titik tolak kepada rakyat Vietnam terutamanya golongan petani untuk bangkit memperjuangkan hak mereka yang ditindas oleh penjajah.

Kemudiannya, petani di Vietnam telah menyertai pertubuhan Nghe-Tinh Soviet. Pertubuhan ini merupakan pertubuhan yang banyak melakukan siri penentangan atau pemberontakan dan demonstrasi pada tahun 1930 dan 1931 terhadap penjajahan Perancis.<sup>32</sup> Demonstrasi yang pertama dilakukan oleh pertubuhan ini adalah pada 1 Mei 1930 di Nghe An yang mana menyatukan tenaga pekerja dan petani dalam perjuangan mereka menentang penjajahan Perancis.<sup>33</sup> Pemberontakan ini tercetus disebabkan oleh kemiskinan yang dialami petani Vietnam terutama di utara Annam selepas kedatangan Perancis.

---

<sup>31</sup> James C.Scott, *The Moral Economy of the Peasant*, hlm. 104.

<sup>32</sup> Ibid.

<sup>33</sup> Samuel L. Popkin, *The Rational Peasant : The Political Economy of Rural Society in Vietnam*, hlm. 248.

“In 1906 and 1907, the Director of Agricultural Services recalled, I saw people dying of hunger on the roads and villages fighting one another to dig up potatoes.”<sup>34</sup>

Berdasarkan petikan ini, kita jelas melihat bahawa penduduk di kawasan Annam Utara mengalami kemiskinan yang melampau sehingga ada penduduknya yang mati kebuluran akibat ketiadaan sumber makanan. Keadaan inilah menyebabkan orang Vietnam terutama golongan petani untuk bangkit menentang penjajahan Perancis kerana dasar yang diperkenalkan Perancis membawa kesengsaraan kepada mereka. Rusuhan ini kemudiannya telah tersebar hingga ke Ha Tinh pada bulan Ogos, termasuk la juga di Quang Ngai. Walaupun sebenarnya para petani disitu kurang terjejas namun mereka telah terlibat dalam rusuhan tersebut disebabkan oleh pandangan moral ekonomi mereka. Demonstrasi terbesar kemudiannya telah berlaku pada 12 September 1930 yang menyaksikan lebih 6000 petani telah berkumpul untuk mendesak kembali tuntutan yang mereka buat sebelum ini berkaitan cukai yang telah dilihat menjadi ancaman kepada para petani.<sup>35</sup> 107 orang petani telah terbunuh di dalam insiden ini apabila bom telah meletup, dan 15 lagi kemudiannya ditemui mati pada malam hari kejadian. Rusuhan ini berterusan hingga ke hujung tahun 1930 dan kemudian reda sedikit sebelum meningkat semula pada 1 Mei 1931. Pemberontakan dan rusuhan ini telah menyebabkan pemungut cukai dipukul, bangunan-bangunan dan surat perjanjian cukai dibakar dan sekolah serta stesen kereta api juga dimusnahkan.<sup>36</sup> Juster, tindakan ganas para petani ini merupakan reaksi mereka setelah mereka berasa terancam apabila adanya perubahan oleh pihak Perancis yang telah menjadi penyebab kepada kesempitan hidup yang dihadapi oleh mereka.

Seterusnya kita diperlihatkan dengan kemunculan pertubuhan-pertubuhan yang dikatakan sebagai organisasi yang memperjuangkan kebajikan para petani iaitu gereja Katolik, Cao Dai,

---

<sup>34</sup> Samuel L. Popkin, *The Rational Peasant : The Political Economy of Rural Society in Vietnam*, hlm. 248.

<sup>35</sup> *Ibid.*

<sup>36</sup> *Ibid.*

Hoa Hoa, dan Parti Komunis Indochina (PKI).<sup>37</sup> Setiap pertubuhan ini mempunyai persamaan daripada segi tujuan dan matlamatnya iaitu menjadi sebuah organisasi yang bertanggungjawab menjaga kepentingan petani. Pertamanya kita lihat, kejayaan kesemua pertubuhan ini sebenarnya berjaya menarik minat penduduk di Vietnam terutamanya golongan petani untuk menyertai pertubuhan ini.<sup>38</sup> Pertubuhan-pertubuhan ini telah membuktikan kemampuannya mengumpulkan pengikut untuk memastikan setiap yang dirancang dapat dilaksanakan. Misalnya di sini kita Cao Dai yang ditubuhkan pada 1926 berjaya memberikan perlindungan kepada golongan petani daripada kerakusan makhamah kolonial dan tuan tanah dengan merebut peluang menggunakan kedudukan masing-masing dalam birokrasi kolonial.<sup>39</sup> Hal ini secara tidak langsung telah memperlihatkan bahawa Cao Dai berjaya menekankan prinsip persamaan dan tidak meletakkan pembahagian antara penduduk kaya dan miskin di Vietnam apabila semua ahli di dalam mendapat manfaat yang sama rata. Selain daripada itu juga kita dapat melihat bahawa petani yang menyertai pertubuhan Hoa Hoa bukan sahaja bersedia mengabdikan diri kepada pemimpin tertinggi malah sanggup mengeluarkan wang semata-mata untuk mendapatkan kebajikan dan perlindungan.<sup>40</sup> Hal ini telah membuktikan bahawa Hoa Hoa merupakan sebuah persatuan yang mampu memberi petani sinar untuk melepaskan diri daripada cengkaman daripada tuan tanah. Walaupun setiap pertubuhan mempunyai kejayaan yang tersendiri namun kejayaannya tidak menyeluruh di semua kawasan. Misalnya, kita lihat gereja Katolik dan PKI gagal mendapat sambutan yang baik di kawasan selatan Vietnam dalam kalangan petani. Hal ini kerana, Cao Dai dan Hoa Hoa lebih popular dalam kalangan petani di sana.<sup>41</sup> Dengan itu, kita dapat melihat bahawa penyertaan golongan petani ke dalam pertubuhan-pertubuhan ini

---

<sup>37</sup> Abu Talib Ahmad, *Sejarah Tanah Besar Asia Tenggara Edisi Kedua*, hlm. 176.

<sup>38</sup> Gereja berjaya mengkristiankan hampir 20 peratus petani di Tonkin kerana mampu memanipulasikan kuasa politik dan ekonominya bagi pengikutnya. Malah agama kristiani menjanjikan kehidupan yang lebih baik kepada pengikutnya yang terdiri daripada golongan bawahan.,dlm., Ibid.

<sup>39</sup> Ibid.

<sup>40</sup> Ibid., 177

<sup>41</sup> Ibid., 176

sebenarnya telah mewujudkan suatu kekuatan untuk mereka memperjuangkan keadilan dan hak kerana pengaruh pertubuhan itu sendiri dan sekaligus menyatukan golongan petani itu sendiri.

## **5.0 Kesimpulan**

Kesimpulannya, penulis tetap berpegang teguh bahawa teori James C. Scott berkaitan Moral Ekonomi Petani yang diketengahkan sememangnya berjaya menjelaskan masalah kritikal di dalam kehidupan para petani yang sentiasa berada dalam zon bahaya. Hal ini kerana, konsep tersebut mampu menggambarkan keadaan para petani yang sentiasa cuba untuk mengelakkan diri daripada menanggung risiko yang besar. Hal ini sekaligus bertepatan dengan konsep yang dipegang oleh petani Vietnam iaitu “Safety First” yang dinyatakan oleh James C. Scott. Namun kedatangan Perancis ke Vietnam telah mengubah banyak perkara telah mendatangkan bahaya baru kepada para Petani. Para petani menjadi semakin tertekan dan terbeban apabila tidak dapat meneruskan kelangsungan hidup. Petani melihat keadilan untuk mereka sudah tiada lagi. Perkara telah menyebabkan berlakunya reaksi para petani di Vietnam sehingga berlakunya Pemberontakan Ngeh Tinh 1930-1931. Oleh yang demikian, penulis bersetuju dengan pandangan James C. Scott tentang konsep moral ekonomi berbanding pandangan-pandangan dan hujahan yang lain kerana teori moral ekonomi mampu menjelaskan keadaan petani dengan lebih terperinci dan jelas.



## **Bibliografi**

A Savitri. The Influence of French Colonialism On Vietnam's Culture. *IJABER*. Vol 14, No. 2, (2016), 761-771.

Abu Talib Ahmad. *Sejarah Tanah Besar Asia Tenggara Edisi Kedua*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017.

James C. Scott. *Moral Ekonomi Petani : Pergolakan dan Subsistensi di Asia Tenggara*. Terjemahan; Jakarta: Lembaga Penelitian, Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial , 1976.

James C. Scott. *The Moral Economy of the Peasant*. USA : Universiti of Carlifornia Press 1979.

KB Dar. "Usaha-Usaha China Menyekat Perancis di Vietnam Pasca Perjanjian Saigon 1874". *Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya*, (2012), 27-50.

Pham Cao Duong. *Vietnamese Peasants Under French Domination 1861-1945*. Berkeley: The Regents of the University of California, 1985.

Philippe Devillers. *Sejarah Indo-China Modern*. Disunting oleh Ruhanas Harun. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.

Samuel L. Popkin. *The Political Economy of Rural Society in Vietnam*. New Haven And London : Yale University Press 1976.